

11 JUN 2002

MAHATHIR-MIGHT/I

USAHA DIPERLUKAN GALAK PERTUMBUHAN EKONOMI MAPAN MELALUI TEKNOLOGI
TINGGI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bermulanya globalisasi dan pelonggaran syarat perdagangan dalam ekonomi-ekonomi baru muncul menyebabkan perlu bagi Malaysia mempercepatkan usahanya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi mapan melalui teknologi tinggi.

Katanya, Malaysia bukan sahaja perlu memastikan bahawa ekonomi sebenar kekal teguh malah juga memastikan bahawa kerancakan usaha ke arah mewujudkan sektor teknologi yang kukuh dikekalkan.

"Ini terutamanya dalam konteks perkembangan akhir-akhir ini," katanya dalam perutusannya dalam laporan tahunan 2001 Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT).

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia memupuk pertumbuhan kegiatan komersil dan pelaburan sihat oleh peserta-peserta tempatan dan juga antarabangsa.

"Oleh yang demikian, tidak dapat tidak, kejutan-kejutan dirasakan dalam sektor ekonomi kita dan ini membimbangkan kita," kata Dr Mahathir yang merupakan penaung MIGHT.

Katanya, dalam senario ketidak pastian yang menyelubungi ekonomi dunia, firma-firma penyelidikan sudahpun mulai menaikkan kadar pertumbuhan Malaysia yang diunjurkan sebanyak 3.5 peratus bagi tahun 2002 kepada lima peratus.

Katanya, semua bukti menunjukkan hakikat bahawa globalisasi telah melampaui batasan ideologi dan polisi.

"Penyerapan teknologi boleh menjadi proses yang memakan masa begitu lama jika aliran pengetahuan lembap. Sebenarnya dalam keadaan inilah peranan MIGHT menjadi amat penting," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, mengenal pasti teknologi peneraju dan segera menukarkannya kepada aplikasi maklumat pasaran dan komersil akan dapat memastikan Malaysia terus bertapak dalam arena teknologi tinggi.

Katanya, peningkatan struktur industri negara akan bergantung kepada keupayaan negara memanfaatkan bidang-bidang baru penyelidikan sains dan menjana kegiatan komersil daripada pengetahuan baru.

Katanya, usaha MIGHT dalam bidang-bidang sains seperti fotonik, bioteknologi dan nanosains sesungguhnya merupakan bukti bagi usaha yang tidak mengenal jemu untuk memperluaskan bidang teknologi dan komersil Malaysia.

"Inisiatif demikian harus dipuji dan ia menjadi contoh untuk terus mengorak langkah menuju masa depan yang maju dan berdaya tahan," katanya.

MIGHT, sebuah pertubuhan bukan mencari untung, telah ditubuhkan pada tahun 1993 bagi memperkenalkan teknologi tinggi dalam industri tempatan. --
BERNAMA

DC KTC KY OS